

Projek Terjemahan Poster anti-COVID-19 WHO - FIFA ke dalam Bahasa Orang Asal Sabah.

Latar belakang

Pada 6 April 2020, Ketua Forum Tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Isu Orang Asal (*United Nations Permanent Forum on Indigenous Issues - UNPFII*) telah menyeru negara-negara anggota,

*"...to ensure that indigenous peoples are informed, protected and prioritized during the global COVID-19 pandemic. In the statement, she stresses **the need to make information available in indigenous languages**, ...)"¹.*

Justeru, sebagai menyahut pernyataan tersebut, sebuah projek khidmat masyarakat telah diusahakan bersama oleh BORIIS, UMS dan *Summer Institute of Linguistics* (SIL) iaitu Projek Terjemahan Poster anti-COVID19 WHO - FIFA ke dalam Bahasa Orang Asal Sabah.

Poster asal telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa berikut: Kadazan, Dusun, Rungus, Murut, Bajau, Kimaragang, dan Tobilung. Poster asal anti-COVID19 WHO - FIFA mempunyai lima keping poster kesemuanya yang boleh dilihat di URL <https://www.who.int/news-room/detail/23-03-2020-pass-the-message-five-steps-to-kicking-out-coronavirus>. Ini bermaksud terdapat 35 keping poster secara keseluruhannya dalam projek ini (lima poster untuk setiap bahasa).

Objektif

Menyalurkan maklumat awam berkaitan pandemik COVID-19 kepada masyarakat Orang Asal di Sabah dalam bahasa Orang Asal. Objektif ini selaras dengan hasrat yang dinyatakan oleh Ketua Forum Tetap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Isu Orang Asal (UNPFII) iaitu 'to make information available in indigenous languages'.

Pihak-pihak yang terlibat bersama BORIIS

1) WHO, FIFA, dan FAM

- Mr. Paul Garwood (Communications Officer, WHO)
- Ms. Lindsay Mackenzie (Communications Officer, WHO)
- En. Wan Fakhrul Wan Bakar (Ketua, Unit Media & Komunikasi, FAM).
FAM telah diamanahkan oleh WHO - FIFA untuk proses pengedaran poster asal dan pengedaran poster telah dilakukan oleh En. Wan Fakhrul.

2) Summer Institute of Linguistics (SIL)

- Dr. Mark Miller
- En. Joemin Maratin

¹ Statement by the Chair of the Permanent Forum on Indigenous Issues on COVID-19
<https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/news/2020/04/chair-message-on-covid-19/>

SIL merupakan rakan MoU Universiti Malaysia Sabah. SIL aktif dalam aktiviti pemuliharaan serta dokumentasi bahasa-bahasa Orang Asal Sabah. En. Joemin Maratin telah membantu mengumpulkan tenaga penterjemah bahasa Orang Asal untuk projek ini.

3) Penterjemah bahasa Orang Asal

- En. Joemin Maratin - bahasa Kimaragang, disemak oleh Pn. Rosnah Nain.
- Cik Priscilla Gukim – bahasa Kadazandusun, disemak oleh Cik Jessica Dunis.
- Pn. Regia Ansieng – bahasa Murut
- Pn. Rosecilla Bisius – bahasa Kadazan, disemak oleh Pn. Rita Lasimbang (KLF)
- En. Awang Mesri Daud – bahasa Bajau, disemak oleh BSBB dan Dr. Mark Miller (SIL)
- Pn. Minie Sulukan – bahasa Rungus, disemak Pn. Christine.
- Pn. Josphen Joannes – bahasa Dusun.
- Pn. Jalina Gambar – bahasa Tobilung, disemak Biro Bahasa TOBISA

Pihak SIL telah mengenalpasti penutur natif yang sudi memberikan khidmat penterjemahan ke bahasa Orang Asal tersebut secara sukarela. Penterjemahan juga telah disemak sebaik mungkin.

Penutup

Tidak semua bahasa Orang Asal Sabah dapat diterjemahkan oleh kerana kekangan masa dan logistik. Untuk itu, pihak BORIIS akan melakukan usaha sebegini secara bersiri agar kesemua bahasa Orang Asal di Sabah mendapat peluang untuk digunakan dalam pemakluman awam berkaitan COVID-19 atau lain-lain isu global di masa hadapan.

URL Press Statement, Chair of UNPFII:

<https://www.un.org/development/desa/indigenouspeoples/news/2020/04/chair-message-on-covid-19/>